



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



Sektor Pelancongan INSENTIF CUKAI

MALAYSIA merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai khazanah berharga dan daya tarikan menarik yang memenuhi citarasa setiap pengunjung tanpa mengira pelancong tempatan mahupun luar negara.

Selain itu negara kita juga kaya dengan destinasi pelancongan yang menarik seperti pelancongan eko, *homestay*, warisan sejarah, pantai dan pulau yang indah. Ini ditambah pula dengan masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dengan pelbagai budaya yang unik. Aktiviti pelancongan sememangnya boleh meningkatkan ekonomi negara dengan kemasukan pelancong antarabangsa.

Tahun 2009, sektor pelancongan menyumbang RM115 bilion kepada Kadar Keluaran Kasar Negara (KDNK). Sebagai pemangkin kepada sektor pelancongan, banyak insentif cukai ditawarkan oleh pihak kerajaan kepada industri pelancongan.

Selari dengan hasrat untuk membangunkan sektor pelancongan, beberapa insentif yang merupakan galakan kepada sektor tersebut boleh dipohon oleh usahawan yang menjalankan aktiviti pelancongan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Taraf Perintis (TP)

- Pengusaha hotel bajet dan hotel tiga bintang ke bawah boleh memohon taraf perintis di mana pengecualian sebanyak 70 peratus ke atas pendapatan statutori bagi tempoh lima tahun dan baki 30 peratus daripada pendapatan statutori tersebut dikenakan cukai pada kadar cukai korporat. Permohonan tersebut perlu dikemukakan ke MIDA.
- Bagi pengusaha hotel bajet yang terletak dalam kawasan galakan iaitu Sabah, Sarawak dan Koridor Timur Semenanjung Malaysia pula boleh mengemu-

kakan borang permohonan baru bagi projek baru atau pembesaran dan permodenan kepada MIDA bagi mendapatkan pengecualian sebanyak 100 peratus terhadap pendapatan statutori.

Elaun Cukai Pelaburan (ECP)

- Pengusaha hotel yang membuat penambahan dan permodenan hotel sedia ada, boleh membuat permohonan kepada pihak MIDA bagi menuntut elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus ke atas belanja modal dalam tempoh lima tahun. Elaun tersebut boleh ditolak 70 peratus daripada pendapatan statutori sehingga habis diserap.
- ECP sebanyak 100 peratus dan boleh ditolak daripada 100 peratus pendapatan statutori dalam tempoh lima tahun boleh dimohon oleh pengusaha hotel yang terletak di Sabah, Sarawak dan Koridor Timur Semenanjung Malaysia serta pengusaha hotel empat dan lima bintang yang berada di Sabah dan Sarawak. Permohonan perlu dikemukakan kepada MIDA.

Elaun Pelaburan Semula (EPS)

- Pengusaha hotel dan pelancongan yang membuat pembesaran, permodenan dan pengubahsuaian kali kedua boleh membuat permohonan kepada MIDA bagi menuntut TP dengan pengecualian cukai 70 peratus (100 peratus bagi kawasan yang digalakkan) daripada pendapatan statutori untuk tempoh lima tahun.
- Selain itu, EPS 60 peratus (100 peratus untuk kawasan yang digalakkan) atas belanja modal layak yang dibuat dalam tempoh lima tahun akan ditolak daripada 70 peratus pendapatan statutori (100 peratus untuk kawasan yang digalakkan) juga boleh dimohon kepada MIDA.

Lanjutan Tempoh Insentif Untuk Kawasan Digalakkan

Bagi syarikat perhotelan dan pelancongan yang terletak di Sabah, Sarawak dan Koridor Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing) tempoh insentif dilanjutkan kepada lima tahun sehingga 31 Disember 2010 di mana permohonan perlu dikemukakan kepada MIDA.

Potongan Cukai Dua Kali

Sesebuah syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perhotelan atau pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia boleh menuntut potongan dua kali bagi perbelanjaan berikut dengan membuat tuntutan melalui borang retan cukai dan borang LHDN/BT/DD/POT/2003-1:-

- Perbelanjaan pengiklanan dan publisiti mana-mana media di luar Malaysia;
- Semua perbelanjaan bagi menghasilkan brosur, majalah dan buku panduan yang diberikan secara percuma kepada pelancong di luar Malaysia termasuk kos penghantaran;
- Perbelanjaan langsung untuk membuat kajian pasaran di luar Malaysia dengan kelulusan daripada Kementerian Pelancongan;
- Perbelanjaan perjalanan ke luar negara dengan tujuan untuk perundingan atau menandatangani kontrak pengiklanan, pameran perdagangan, persidangan atau forum yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelancongan. Perbelanjaan ni tertakluk maksimum RM300 sehari bagi penginapan dan RM150 sehari untuk elaun sara sehingga kembali ke Malaysia;
- Perbelanjaan langsung bagi mengendalikan pameran perdagangan, persidangan atau forum yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelancongan; dan
- Perbelanjaan untuk kos penyelenggaraan pejabat jualan di luar negara yang bertujuan mempromosikan pelancongan ke Malaysia.

Pelancongan Domestik dan Pelancongan Berkumpulan

Bagi syarikat pelancongan bermastautin di Malaysia yang mempunyai pelancongan domestik sekurang-kurangnya 1200 orang pelancong tempatan dan pelancongan berkumpulan sekurang-kurangnya 500 orang pelancong luar negara boleh memohon pengecualian cukai dengan syarat mendapat pengesahan daripada Kementerian Pelancongan jumlah pelancong yang telah ditetapkan.

Perlumbaan Kereta dan Motorsikal Bertaraf Antarabangsa

Sesebuah syarikat, persatuan atau organisasi yang menganjurkan perlumbaan layak mendapat pengecualian cukai sebanyak 50 peratus daripada pendapatan statutori dan permohonan perlu diserahkan kepada MIDA.

Penyedia Perkhidmatan Jagaan Kesihatan

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan untuk pelancong juga diberi pengecualian cukai sebanyak 100 peratus ke atas nilai eksport tertakluk kepada 70 peratus pendapatan statutori. Permohonan hendaklah dibuat kepada MIDA. Syarikat yang memberi perkhidmatan jagaan kepada pelancong seperti peserta Program *Malaysia My Second Home*, bukan warganegara dan bukan pemastautin tidak layak menuntut insentif ini.

Insentif Untuk Bot dan Kapal Layar Mewah

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan membaiki dan menyelenggara, membuat dan memberi sewa bot mewah dan kapal layar layak menuntut pengecualian cukai selama lima tahun terhadap pendapatan yang diperolehi daripada perkhidmatan penyewaan kapal layar yang berlepas atau tiba di mana-mana pelabuhan di Malaysia dengan syarat:-

- Bagi penyedia khidmat membaiki dan menyelenggara bot mewah di Langkawi permohonan hendaklah dibuat kepada Kementerian Kewangan;
- Pembuat bot mewah pula perlu membuat permohonan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
- Pemberi sewa kapal layar mewah pula boleh memohon pengecualian cukai melalui MIDA.

Pameran Perdagangan dan Persidangan Antarabangsa

Syarikat yang menjalankan pameran perdagangan dan persidangan antarabangsa boleh mendapat pengecualian cukai terhadap pendapatan statutori yang diperolehi daripada penganjuran persidangan dengan syarat peserta luar negara yang hadir tidak kurang 500 orang dalam satu tempoh asas tahun taksiran dan pameran hendaklah mendapat kelulusan MATRADE. Permohonan boleh dikemukakan kepada MIDA.

Persembahan Kesenian dan Kebudayaan, Pameran, Festival atau Persidangan

Sesebuah organisasi yang menjadi penganjur untuk aktiviti persembahan kesenian dan kebudayaan; pameran, festival atau persidangan boleh menuntut pengecualian terhadap perbelanjaan pertunjukan dan

persembahan sebanyak RM500,000 manakala perbelanjaan untuk pertunjukan asing sebanyak RM200,000. Persembahan hendaklah diluluskan oleh Kementerian Pelancongan dan permohonan pengecualian perlu diserahkan kepada Kementerian Kewangan.

Elaun Bangunan Industri

Syarikat yang mempunyai taraf perintis dan telah diberi elaun pelaburan di mana perbelanjaan modal yang layak ke atas bangunan hotel termasuk perbelanjaan penambahan dan permodenan semula (termasuk syarikat yang tiada taraf perintis, tetapi mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan) boleh menuntut elaun permulaan sebanyak 10 peratus. Syarikat ini juga boleh menuntut elaun tahunan sebanyak 3 peratus bagi pembinaan dan pembelian bangunan.

Bagi bangunan yang bertujuan bukan untuk penguurusan, pentadbiran dan bukan pengkeranian, elaun tahunan yang boleh dituntut adalah sebanyak 10 peratus. Bermula tahun Taksiran 2001, lapangan terbang dan litar lumba motor telah dikira sebagai bangunan industri dan layak menuntut elaun bangunan industri.

Insentif Kenderaan


Pengusaha perlancongan juga diberi pengecualian cukai eksais sebanyak 50 peratus terhadap kenderaan

pacuan empat roda yang dipasang dalam negara. Permohonan bagi mendapatkan pengecualian tersebut perlu diserahkan kepada Kementerian Kewangan dengan syarat-syarat berikut:-

- Permohonan mestilah dikemukakan sebelum pembelian kenderaan;
- Jumlah kenderaan yang ingin diperolehi mesti disahkan oleh Kementerian Pelancongan;
- Kenderaan mestilah dikilangkan atau dipasang di Malaysia;
- Kenderaan tersebut mestilah baru iaitu cukai belum pernah dibayar;
- Kenderaan tersebut mestilah digunakan untuk pelancongan sahaja; dan
- Kenderaan tersebut tidak boleh dijual atau tidak ditukar milik dalam tempoh lima tahun daripada tarikh pendaftaran.

Lain-lain Insentif

Selain insentif-insentif yang telah disenaraikan, syarikat perhotelan dan pelancongan juga boleh menuntut pengecualian cukai eksais dan cukai import ke atas komponen CKD untuk bas pelancongan yang dipasang dalam negara. Sesebuah hotel yang mempunyai 25 buah bilik dan kurang juga boleh menuntut pengecualian cukai servis. Bagi syarikat perhotelan dan pelancongan di Labuan, tiada cukai servis dikenakan.

Oleh itu, para usahawan disarankan agar mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk memajukan perniagaan masing-masing dan menaik taraf industri pelancongan di dalam negara. 

Salihin Abang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM). Beliau merupakan ahli kepada beberapa badan profesional yang berkaitan perakaunan dan percukaian seperti Malaysia Institute of Accountant (MIA), Malaysia Institute of Taxation (MIT) dan Malaysia Association of Financial Planning. Kini merupakan rakan kongsi di firma audit Salihin & Associates, firma audit yang beliau tubuhkan pada tahun 2002.

PERCUMA!

KLINIK CUKAI

Walk-in Consultation (setiap Jumaat)

- 9.00 pagi – 12.00 tengahari
- 2.00 petang – 5.00 petang

atau email:

info@salihin.com.my (24 jam)

Sila hubungi untuk temujanji anda di talian 603 61874678 atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat

TIP SUKSES

“Melihat ke hadapan (forsee) adalah kemahiran yang perlu usahawan pelajari. Ini akan membantu usahawan membuat keputusan yang lebih tepat dan kehadapan dari para pesaing”